

Covid-19: Hanya 3 negeri catat lebih 100 kes

utusan malaysia 6/6/2022
Page 12

PUTRAJAYA: Malaysia kelmarin merekodkan penurunan kes positif Covid-19 dengan mencatatkan sebanyak 1,586 kes berbanding Jumaat, 1,841 kes dan diatasi 2,185 kes sem-buh.

Berdasarkan lapo-ran di laman web, <https://covidnow.moh.gov.my> semalam, Sela-ngor mencatatkan kes positif harian tertinggi iaitu 756 kes diikuti Kuala Lumpur (297), Pulau Pinang (110), Pe-rak (92), Negeri Sembil-an (80) dan Sabah (55).

Ini diikuti Melaka (44), Johor (34), Putra-jaya (33), Kedah (31), Sarawak (25), Pahang (15), Terengganu (7), Kelantan (5), Perlis (5) dan Labuan, dua kes.

Pesakit Covid-19 yang masih diwad-kan menurun kepada 417 orang berbanding Jumaat, seramai 500 orang.

Kes yang memer-lukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam kekal mere-kodkan 27 orang ber-samaan jumlah pada Jumaat.

Bagaimanapun, jumlah pesakit Co-vid-19 yang memer-lukan alat bantuan pernafasan kekal mere-kodkan 17 kes.

Bagi kluster Co-vid-19 pula, tiada klus-ter baharu direkodkan manakala sebanyak empat kluster yang masih aktif sekali gus menjadikan 7,014 ke-seluruhan kluster.

Dalam perkemba-ngan melibatkan kema-tian, satu kes dilapor-kan menjadikan dan jumlah terkini seba-nyak 35,681 kes.

Selain itu, tiada kes kematian yang dibawa ke hospital (BID) dan menjadikan jumlah ter-kumpul sebanyak 7,559 kes.